

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN  
[ HULU SELANGOR ]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Haji Mohd Hasnizan Bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian untuk mengurangkan kos bayaran bagi pengambilan lesen terutama lesen motor dan kereta disebabkan ramainya anak-anak remaja tidak mempunyai lesen atas sebab tiada kemampuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri memahami akan kekangan kewangan yang dihadapi oleh golongan B40 dan belia untuk mendapatkan lesen memandu di Institut Memandu (IM). Atas keprihatinan tersebut, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) telah memperuntukan sebanyak **RM4.7 juta** bagi **Program MyLesen Tahun 2023** yang telah memanfaatkan **tiga belas ribu (13,000)** peserta daripada golongan B40 dan belia untuk mendapatkan lesen yang sewajarnya secara percuma dan seterusnya membuka peluang pekerjaan di dalam sektor *gig economy*, pengangkutan awam dan pelancongan. **Sehingga 19 November 2023**, jumlah peserta yang telah berdaftar ke Institut Memandu (IM) bagi mendapatkan Lesen terlibat secara percuma adalah sebanyak **Sembilan Ribu Sembilan Ratus Sembilan Puluh Empat (9,994)** peserta.
2. Program ini juga bertujuan untuk menjadi pemangkin kepada golongan B40 khususnya ketua isi rumah untuk menjana pendapatan melalui manfaat lesen yang diperolehi daripada inisiatif ini, di samping memberi kesedaran mengenai peraturan dan aspek keselamatan jalan raya melalui kehadiran ke sesi kelas, latihan dan ujian. Individu yang berminat akan dikehendaki menjalani program ini selama 3 hingga 5 bulan dengan kerjasama Institut Memandu (IM) di seluruh Malaysia bagi tujuan sesi latihan, kelas dan ujian.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 10**